


ŞALĀĤUDDĪN DAN PEMBEBASAN BAYT AL-MAQDIS

Rencana Sang Panglima Memimpin Kemenangan



DR. 'ALĪ AL-ŞALLĀBĪ

Diterjemahkan Oleh:
MOHD KHAIRUL ANWAR ISMAIL



اتحاد باحثين ودراسيين مسلمين
ABIM

GLOBAL PEACE
MISSION
 **Malaysia**

Terbit edisi e-buku, Oktober 2023
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Judul Asal: *al-Qā'id Ṣalāhuddīn wa Tahrīr Bayt al-Maqdis*

Pengarang: Dr. 'Alī Al-Ṣallābī
Penterjemah: Mohd Khairul Anwar Ismail
Prof: Mohammad Syafiq Ismail
Reka Bentuk Kulit: Ahmad Aiman
Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)
No. 6, Jalan TC 2A/2,
Taman Cemerlang
53100 Kuala Lumpur

No. Telefon (P): +603-4108 4500
No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299
No.Faks: +603-4108 2400
Emel: abimpressmy@gmail.com
Laman Sesawang: www.abimpress.com
FB: www.facebook.com/abimpressmy

DENGAN KERJASAMA:



GLOBAL PEACE MISSION (GPM) MALAYSIA

33-1 Jalan 2A/27A,
Wangsa Maju, Seksyen 1.
53300 Kuala Lumpur, Malaysia
No. Telefon: +603-4144 3441
Emel: info@gpm.com.my
FB: @gpmmalaysia
Laman Sesawang: www.gpm.com.my
www.jomsedekah.com

Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun secara
percuma di pautan berikut:
<http://e-maktabah.com>

Atau ikuti perkembangan E-buku terkini di halaman FB Abim Press:



MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Dengan nama Allāh
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Segala puji bagi Allāh, Tuhan Sekelian Alam, serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muḥammad *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*.

Saya ucapkan rasa syukur ke hadrat Allah *subḥānahu wa ta‘ālā* kerana mempermudah jalan kepada terbitnya judul terbaharu ini yang merupakan sebahagian daripada siri e-buku Palestin berkesinambungan daripada siri-siri sebelum ini yang telah diterbitkan oleh ABIM Press. Ini adalah usaha untuk mewujudkan sebuah e-maktabah besar yang mengkhususkan isu Palestin, yang dinamakan “Korpus Palestin.”

Untuk siri ini, saya menterjemahkan suatu judul daripada makalah karangan seorang sejarawan yang tidak asing lagi dalam dunia kesarjanaan Islam, iaitu Shaykh Dr. ‘Alī al-

Ṣallābī. Makalah asal adalah dalam bahasa Arab yang berjudul, *al-Qā'id Ṣalāḥuddīn wa Tahrīr Bayt al-Maqdis*,¹ yang saya judulkan dalam edisi terjemahan ini sebagai, *Ṣalāḥuddīn dan Pembebasan Bayt al-Maqdis: Rencana Sang Panglima Memimpin Kemenangan*.

Sultan Ṣalāḥuddīn al-Ayyūbī adalah antara panglima perang teragung dalam sejarah Islam. Di bawah kepemimpinan beliau, Bayt al-Maqdis berjaya dikembalikan menjadi milik umat Islam daripada penjajahan tentera salib, iaitu pada tanggal 2 Oktober 1187. Kisah kepemimpinan beliau direkodkan dalam banyak catatan sejarah, baik dari catatan sejarawan muslim mahupun barat. Justeru, terjemahan karangan ringkas ini diharapkan dapat memberi inspirasi kepada para pembaca sekalian.

Akhir kalam, saya mengucapkan terima kasih kepada ABIM dan GPM, kerana sentiasa mengambil berat isu-isu berkaitan umat Islam sejak awal penubuhannya. Buat para pembaca sekalian, selamat membaca dan semoga beroleh manfaat yang besar daripada karya ini.

Palestin pasti akan bebas suatu hari nanti dan akan kembali ke pangkuan pimpinan orang-orang Islam, Amin.

Selamat membaca!

Mohd Khairul Anwar Ismail

Bangi

Jumaat, 20 Oktober 2023.

1 <https://www.aljazeera.net/blogs/2021/5/12/-القائد-صلاح-الدين-وتحرير-بيت-المقدس-من>

ŞALĀĤUDDĪN
DAN PEMBEBASAN
BAYT AL-MAQDIS
Rencana Sang Panglima
Memimpin Kemenangan

Oleh:

Dr. ‘Alī al-Şallābī



Perang Ḥaṭṭīn dianggap sebagai pertempuran penting dalam sejarah Perang Salib-Islam. Dalam pertempuran ini, Kerajaan (Salib) Bayt al-Maqdis kehilangan kekuatan pasukan tentera utamanya. Tentera salib terbesar sejak penubuhan kerajaan salib juga musnah dalam pertempuran ini. Şalāḥuddīn menjadi pemimpin yang menang dalam pertempuran ini ke atas tentera salib, dan mempunyai kedaulatan penuh ke atas

dunia Islam (Yāsīn Suwayd, *Hurūb al-Quds fī al-Tārīkh al-Islāmī wa al-‘Arabī*, hlm. 94).

Selepas perang Ḥaṭṭīn, tentera salib tidak lagi mempunyai kekuatan yang boleh dibanggakan khususnya di dalam Kerajaan Bayt al-Maqdis. Kerana itu, sebaik sahaja ‘Asqalān (*Ashkelon*), dan Gazzah (*Gaza*) menyerah kepada Ṣalāḥuddīn pada bulan September tahun yang sama, Ṣalāḥuddīn memutuskan untuk berangkat dengan tenteranya, yang beliau telah kumpulkan dari seluruh wilayah selatan Palestin sejak beberapa tahun lalu; untuk menyempurnakan penyatuan wilayah Shām (*Levant*). Ṣalāḥuddīn dan tentera-tenteranya bergerak ke utara menuju ke arah Bayt al-Maqdis untuk menaklukinya dengan peperangan; sehinggakan kota Bayt al-Maqdis mulai bersiap sedia untuk menentang panglima Islam ini, yang datang untuk mencabar keteguhannya, dan kekuatannya setelah 88 tahun pendudukan tentera salib.

RENCANA PERANG ṢALĀḤUDDĪN

(1)

LANGKAH-LANGKAH SEBELUM PENAKLUKAN BAITUL MAQDIS

Keupayaan ketenteraan Ṣalāḥuddīn terserlah dalam rencana ketenteraan ini – yang diikuti beliau dalam jihadnya menentang tentera salib – untuk mendapatkan kembali Bayt al-Maqdis. Rencana ini didasarkan pada pembentukan barisan Islam yang bersepadu, termasuk dari Mesir, Shām,

dan sebahagian Iraq, kemudian memerangi tentera salib di negeri mereka, dan melancarkan serangan hebat terhadap mereka, seperti yang terjadi dalam perang Ḥaṭṭīn.

Setelah itu, ia menuju ke kota-kota pesisir pantai Shām untuk melemahkan tentera salib secara material dan moral. Sekiranya Ṣalāḥuddīn terus menuju ke Bayt al-Maqdis selepas kemenangannya di Ḥaṭṭīn, beliau akan dapat memasukinya tanpa kesukaran, tetapi merampas Bayt al-Maqdis sebelum menguasai kota-kota pesisir pantai tidak akan menjamin kestabilan sepenuhnya di Bayt al-Maqdis.

Eropah Barat berkemungkinan akan menghantar tentera salib ke pelabuhan-pelabuhan di Shām, dan tentera-tentara mereka akan datang secara berkumpulan atau bersendirian, dan bertemu Ṣalāḥuddīn dalam pertempuran sengit untuk merebut kembali Bayt al-Maqdis; yang terletak di dalamnya Gereja Makam Suci (*Holy Sepulchre*); kerana keyakinan mereka yang batil, sepertimana yang dikatakan oleh al-‘Imād al-Aṣfahānī: bahawa di dalamnya al-Masīḥ disalib, korban nyawa (al-Masīḥ) dipersembahkan, Tuhan menjelma menjadi manusia, manusia menjelma menjadi Tuhan, dan salib ditegakkan.

(2)

DIMENSI MEDIA

Pasukan tentera Islam ini telah menyertai Ṣalāḥuddīn dalam perang Ḥaṭṭīn, dan Ṣalāḥuddīn memanfaatkan kehadiran mereka di Shām untuk menguasai bandar-bandar dan pelabuhan-pelabuhan pantai sebelum mereka kembali

ke wilayah mereka masing-masing. Ṣalāḥuddīn berusaha mendahului perjalanan pasukannya ke Bayt al-Maqdis dengan kempen penerangan ke seluruh dunia Islam bagi tujuan untuk menggerakkan umat Islam untuk berjihad. Hal ini menguatkan tekad umat Islam untuk berjihad, dan mengambil bahagian dalam menyucikan tempat suci ini, yang merupakan kiblat pertama, dan al-Ḥaram (tempat suci) ketiga, yang juga tempat perjalanan Nabi Muḥammad *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* (sebelum Mi’raj ke langit). (Aḥmad Shāmī, *Ṣalāḥuddīn wa Ṣalībiyyūn*, hlm. 209).

(3)

MEMANGGIL TENTERA MESIR

Dari sudut lain, Ṣalāḥuddīn memanggil pasukan tentera Mesir semasa beliau mengambil alih pantai untuk membantunya dalam menakluki kota-kota dan kubu-kubu di selatan, dan beliau bertemu dengan anaknya, al-Malik al-‘Azīz ‘Uthmān, di ‘Asqalān (Ashkelon), hatinya gembira dan dia beroleh sokongan kekuatan daripadanya.

(4)

PENGEPUNGAN DAN PERTEMPURAN

Tentera Salib telah memulai pertempuran sebelum pasukan tentera Islam berkumpul di sekitar tembok kota. Hal ini terjadi ketika pasukan tentera Islam di bawah pimpinan panglima Jamāluddīn Sharwīn bin Ḥasan al-Rāzī sedang menuju ke tembok kota, mereka dihalang oleh pasukan penjaga kota, lalu tercetus peperangan. Pasukan muslimin

berhasil mengalahkan mereka, dan membunuh ketua mereka (Abū Shāmah al-Maqdisī, *Kitāb al-Rawḍatayn*, 2/92).

(5)

SERANGAN PENENTU

Ṣalāḥuddīn memutuskan untuk melancarkan serangan penentu terhadap kota tersebut. Serangan *majānīq* diperhebatkan, serangan batu dipertingkatkan, tombak bertalu-talu dilepaskan, dan anak-anak panah dilancarkan ke arah pelindung tembok dan kubu. Hal ini bertujuan untuk melumpuhkan penentangan mereka, dan menjadikan pelindung-pelindung (tembok dan kubu) berundur dari posisi mereka, sementara pasukan tentera Islam maju ke depan, dan menyeberang parit luar yang digali di sekitar tembok, berpaut pada tembok, dan bekerja di dalamnya dengan menggali dan meruntuhkannya. Serangan dari *majānīq* semakin hebat, hujaman tombak bertali arus dilemparkan, anak-anak panah dari pasukan pemanah di belakang penyerang meluncur untuk melindungi mereka, dan penyerang-penyerang berjaya dalam membuka banyak celah di tembok, yang membuatnya hampir-hampir jatuh ke tangan mereka.

Suatu ketika pada 29 September 1187, para penyerang dapat membuka “pecahan besar” pada tembok, dan pasukan muslimin berjaya masuk melaluinya, dan mereka mengibarkan bendera di atasnya. Namun, pelindung-pelindung tembok segera berkumpul dan mengusir

pasukan muslimin dari tembok. Meskipun demikian, para pelindung menyadari bahwa pertahanan mereka tidak akan berhasil, dan mereka di ambang kehancuran, bahkan sesungguhnya mereka pasti akan binasa sekiranya mereka masih meneruskan penentangan. Mereka berbondong-bondong memasuki gereja untuk berdoa dan mengakui dosa-dosa mereka. Mereka mulai memukul diri mereka sendiri dengan batu, dan mengharapkan pertolongan dan belas kasihan dari tuhan. Para wanita memotong rambut anak-anak perempuan mereka dengan harapan membangkitkan semangat para lelaki untuk melindungi mereka daripada ditawan oleh pasukan muslimin (Yūsuf al-Nabhānī, *Mufarrij al-Kurūb*, 2/213)

ŞALĀĤUDDĪN MEMASUKI BAYT AL- MAQDIS

Terjadi kesepakatan antara Şalāḥuddīn dan Bāliyān untuk menyerahkan kota menurut syarat-syarat yang dipersetujui. Şalāḥuddīn memasuki kota pada hari Jumaat, tanggal 27 Rajab tahun 583 Hijrah, setelah beliau memberi perintah kepada penjaga kota untuk meletakkan senjata, dan menyerah kepada tentera Islam. Hari itu menjadi saksi penting, dan bendera-bendera Islam dikibarkan di atas tembok-tembok kota suci itu. Pengepungan Şalāḥuddīn ke atas kota berlangsung selama 12 hari.

Dengan jatuhnya Bayt al-Maqdis, kebanyakan kota dan wilayah di seluruh Shām yang masih di bawah penguasaan

pasukan salib turut jatuh ke bawah kekuasaan Ṣalāḥuddīn. Ṣalāḥuddīn memasuki Bayt al-Maqdis pada tanggal 27 Rajab, iaitu malam al-Isrā', dan beliau memerintahkan untuk menempatkan seorang ketua daripada ketua-ketua tentera di setiap pintu gerbang kota untuk menerima tebusan daripada tentera-tentera salib yang keluar dari kota, dan menghitungnya. Di dalam kota, terdapat 60 ribu orang tentera infantri dan tentera berkuda, tidak termasuk wanita dan kanak-kanak yang mengikuti mereka (Yāsīn Suwayd, *Ḥurūb al-Quds fī al-Tārīkh al-Islāmī wa al-'Arabī*, hlm. 106).

Ibn al-Athīr meneruskan: Tidak menghairankan bagi yang mendengar tentang hal ini, kerana negara itu besar, dan berkumpul di situ orang-orang dari berbagai wilayah dari 'Asqalān, Dārūm, Ramlah, Gazzah dan desa-desa lain, yang mana jalan-jalan dan gereja-gereja menjadi sesak, dan orang tidak dapat berjalan (dengan leluasa).

Setelah Ṣalāḥuddīn mengukuhkan pemerintahannya di Kota Suci, beliau memerintahkan untuk mengembalikan keadaan kota itu kepada keadaan sebelum pendudukan tentera salib, yang mana sebelum ini mereka telah mengubah banyak mercu tanda Islam di kota itu. Mereka telah memasang salib besar bersalut emas di atas puncak Kubah Kuning (*Qubbah al-Ṣabrā'*), dan Ṣalāḥuddīn mengarahkan untuk menghilangkannya. Mereka membina bangunan-bangunan di sebelah barat Masjid al-Aqsa untuk mereka menempatnya, dan mereka mendirikan gudang, rumah rehat dan selainnya, dan memasukkan sebahagian daripada

masjid ini ke dalam bangunan mereka, maka Ṣalāḥuddīn memerintahkan untuk mengembalikan bangunan-bangunan tersebut ke dalam keadaannya yang asal, dan turut memerintahkan agar disucikan Masjid (al-Aqsa) dan *Qubbah al-Ṣahrā'* dari kotoran dan najis, kemudian melantik imam untuk Masjid al-Aqsa, mendirikan di dalamnya mimbar, menghapuskan imej-imej yang ada di dalamnya dan di dalam bangunan-bangunan berdekatannya sama ada yang diletakkan oleh tentera salib ataupun yang dilukis oleh mereka. Ṣalāḥuddīn juga mengembalikan orang-orang Kristian tempatan dari kalangan penduduk al-Quds ke rumah-rumah mereka, dan mengizinkan mereka untuk membeli apa-apa yang ingin dijual oleh orang-orang Frank dari apa-apa pemilikan, barang dan harta benda mereka (Yāsīn Suwayd, *Hurūb al-Quds fī al-Tārīkh al-Islāmī wa al-ʿArabī*, hlm. 108).

Sejarah tidak mencatat seorang penakluk yang lebih penyayang daripada kalangan orang-orang Islam: Ṣalāḥuddīn menepati janjinya, beliau membenarkan sesiapa yang membayar tebusan untuk keluar. Di setiap pintu keluar, beliau meletakkan seorang pemimpin kanan untuk mengawasi orang-orang yang keluar, sesiapa yang membayar tebusan, maka dia dibebaskan.

Meskipun nilai tebusan yang dikenakan oleh Ṣalāḥuddīn agak rendah sebagai pertukaran untuk keluar dari Bayt al-Maqdis dan sebagai jaminan mereka sampai ke tempat mereka dengan selamat, akan tetapi banyak di antara mereka tidak mampu membayar harga tebusan untuk diri

mereka sendiri, dan akhirnya mereka menjadi tawanan di tangan pasukan orang-orang Islam selama 40 hari. Tidak ada seorang pun dari kalangan orang-orang kaya daripada pasukan salib yang menyumbang membantu pembayaran tebusan orang-orang miskin mereka. Patriark Heraclius meninggalkan Bayt al-Maqdis dengan hartanya yang besar tanpa mempedulikan orang lain ('Abdullāh al-Ghāmīdī, *Ṣalāḥuddīn wa al-Ṣalībiyyūn*, hlm. 216). Kelihatannya ini adalah penyebab terputusnya hubungan tawanan dan lain-lain di kalangan tentera salib pada masa itu. Para tawanan, mereka adalah campuran dari pelbagai bangsa dan suku Eropah, dan tentera-tentera upahan asing yang ingin melakukan perjalanan ke Timur untuk melepaskan diri mereka dari bumi perhambaan pada waktu itu dalam masyarakat Eropah (Nazīr Sa'dāwī, *Jaysb Miṣr*, hlm. 69).

Kesimpulannya, sikap memalukan dari pemimpin-pemimpin terkemuka pihak salib, dan sikap kemuliaan hati dan toleransi di pihak Ṣalāḥuddīn telah memaksa penulis Inggeris "Lane Poole" untuk menyatakan kekagumannya terhadap Ṣalāḥuddīn. Selepas beliau menyerang Patriark, beliau berkata: "Ia adalah peluang bagi raja muslim untuk mengajar orang-orang Kristian erti toleransi." (*Ṣalāḥuddīn wa al-Ṣalībiyyūn*, hlm. 216). Ṣalāḥuddīn, dan pemimpin-pemimpin Islam yang lain, memperlihatkan kemuliaan hati dan toleransi ini apabila beribu-ribu tentera salib dari kalangan orang-orang awam mereka yang tidak mampu membayar tebusan yang telah ditetapkan, kemudiannya menjadi tawanan Ṣalāḥuddīn. Maka, al-Malik al-Ādil meminta saudaranya, Sultan Ṣalāḥuddīn, untuk memberikan

seribu daripada tentera salib yang miskin tersebut untuk membebaskan mereka kerana Allah. Ṣalāḥuddīn bersetuju dengan permintaan tersebut. Tindakan kemanusiaan yang dilakukan oleh al-Malik al-‘Ādil menggerakkan perasaan Patriark dan Bāliyān, lalu kedua-dua mereka mendekati Ṣalāḥuddīn, dan meminta daripadanya permintaan yang serupa, lalu Ṣalāḥuddīn memberikan kepada kedua-duanya apa yang mereka minta, dan membebaskan mereka.

Kemudian, Ṣalāḥuddīn memerintahkan pengawalnya untuk memanggil orang-orang di jalan-jalan Bayt al-Maqdis, bahawa beliau akan membebaskan mereka dari kalangan tentera-tentera salib yang tidak mampu membayar tebusan kerana usia tua mereka. Kumpulan ini harus maju dari pintu belakang kota dan diizinkan untuk keluar dari matahari terbit hingga malam. Setelah pengumuman itu dikeluarkan, tentera salib berpusu-pusu ke pintu tersebut dalam jumlah yang tidak terkira banyaknya (*Ṣalāḥuddīn wa al-Ṣalibiyyūn*, hlm. 216). Amīr al-Bīrah meminta pembebasan kira-kira 500 orang tawanan Armenia, dan memberitahu Ṣalāḥuddīn bahawa mereka berasal dari negaranya dan kedatangan mereka ke Bayt al-Maqdis adalah untuk tujuan beribadah di sana.

Selain itu, Amīr Muẓaffar al-Dīn ‘Alī Kojak juga meminta pembebasan sekitar seribu orang Armenia yang didakwanya berasal dari al-Ruhā (Edessa). Ṣalāḥuddīn menyetujuinya, dan membebaskan mereka (*Muẓarrāj al-Kurūb*, 2/215). Toleransi umat Islam ini tidak terhad kepada apa yang dilakukan oleh Ṣalāḥuddīn, saudaranya al-Malik al-‘Ādil,

dan pemimpin-pemimpin terkemuka Muslim, bahkan diperluaskan kepada keseluruhan umat Islam.

Hakikatnya, Ṣalāḥuddīn menunjukkan sejumlah besar toleransi dan kemuliaan akhlak terhadap tawanan-tawanan salib di Bayt al-Maqdis, dan beliau juga memuliakan dan bermurah hati terhadap isteri-isteri dan anak-anak perempuan tentera-tentera salib yang terbunuh dan ditawan ketika pertempuran mereka menentang Ṣalāḥuddīn. Mereka berkumpul di hadapannya dengan menangis, lalu Ṣalāḥuddīn bertanya tentang keadaan mereka, dan apa yang mereka minta. Mereka menjawab bahawa mereka memohon belas kasihan. Maka, Ṣalāḥuddīn pun berlembut terhadap mereka, dan membenarkan mereka yang suami mereka masih hidup untuk bertemu dengannya dan membebaskannya, dan membenarkan untuk mereka pergi ke mana sahaja yang mereka mahu. Sementara itu, wanita-wanita dan anak-anak perempuan yang kematian suami-suami mereka dan bapa-bapa mereka, Ṣalāḥuddīn memerintahkan agar mereka diberikan bahagian daripada harta peribadinya apa yang sesuai untuk memenuhi kehidupan mereka, dan kedudukan mereka, dan memberikan kepada mereka sehingga sepenuh hati mereka berdoa untuknya.

Ṣalāḥuddīn, dengan akhlak islamiahnya, telah memukau raja-raja Barat dan pemimpin-pemimpin mereka ketikamana mereka memimpin tentera mereka yang besar di Shām, sehinggakan orang-orang Perancis pernah berkata: Darahnya adalah darah Perancis, dan orang-orang Jerman, orang-orang Inggeris, dan orang-orang Itali semuanya menceritakan kisah-

kisah indah tentang akhlak Ṣalāḥuddīn, dan berbicara tentangnya di kampung-kampung, kota-kota, dan drama-drama mereka (Munīr Ghandūr, *al-Wajīz fī al-Shām Arḍ al-Anbiyā' wa Mahd al-Aṣfiyā'*, hlm. 61).

Ṣalāḥuddīn benar-benar merupakan seorang muslim sejati dalam pengertian yang sebenarnya, yang mengikuti teladan Nabi Muḥammad *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* dalam kemaafannya, kelembutannya, dan toleransinya, Seorang sejarawan Eropah berkata tentang Ṣalāḥuddīn: “Beliau akan kekal dalam ingatan. Era berdarah dan kejam seperti masa itu tidak mampu merosakkan seorang yang mempunyai kekuasaan yang besar, iaitu Ṣalāḥuddīn” (*Al-Wajīz fī al-Shām Arḍ al-Anbiyā' wa Mahd al-Aṣfiyā'*, hlm. 61).

Bukti terbesar penghargaan orang-orang Frank terhadap kepahlawanan yang jarang-jarang ditemui ini, dan toleransi yang luar biasa ini adalah ketika mana maharaja Jerman menziarahi makam Ṣalāḥuddīn sewaktu kunjungan beliau ke wilayah Shām pada tahun 1315H/1899M, dan turut bersamanya adalah maharani. Beliau menyampaikan pidato menyanjung Ṣalāḥuddīn, dan maharani pula mengiriskan karangan bunga untuk diletakkan di atas makam pahlawan besar itu.

TENTANG GLOBAL PEACE MISSION (GPM) MALAYSIA



Global Peace Mission (GPM) Malaysia ialah sebuah Yayasan Amanah yang diperbadankan dibawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952, Bahagian Hal Ehwal Undang- Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (PM).

GPM ditubuhkan pada 26 September 2001 sebagai sebuah gerakan yang membantah pengisytiharan perang terhadap negara Afghanistan selepas peristiwa 11 September 2001. Apabila Afghanistan diserang pada awal Oktober tahun yang sama, GPM telah menggerakkan misi bantuan kemanusiaan dan perubatan bagi membantu mereka yang menjadi mangsa kepada peperangan tersebut.

Dengan moto Misi Kemanusiaan Merentasi Sempadan, GPM juga menyalurkan bantuan-bantuan kemanusiaan

yang lain bukan sahaja ke bumi Afghanistan, malah kepada hampir 20 buah negara yang memerlukan di seluruh dunia. GPM mula menggerakkan bantuan seperti projek rehabilitasi bagi membantu pemulihan mangsa-mangsa perang, pembangunan pusat-pusat pendidikan dan latihan vokasional untuk pelarian dan mangsa bencana secara berperingkat, serta program pembangunan dan keupayaan dalam aspek sosioekonomi dan sara hidup.

GPM telah bergerak aktif menyedarkan kepentingan memupuk dan memelihara keamanan sejagat melalui program-program kesedaran dan penerangan untuk masyarakat serta mengumpul dana untuk membantu mangsa-mangsa peperangan serta bencana alam seperti banjir, gempa bumi, kebuluran dan juga tsunami.

Layari www.gpm.com.my untuk makluman lanjut selain kempen kutipan dana dan infaq melalui platform jomsedekah.com.

GPM DAN INISIATIF KEMANUSIAAN PALESTIN



Global Peace Mission (GPM) Malaysia aktif menggerakkan pelbagai inisiatif membantu dan menyokong rakyat Palestin baik yang berada di dalam Palestin mahupun di luar Palestin. Sokongan dan bantuan GPM buat Palestin ini penting dalam situasi mereka kini yang masih berada dalam keadaan perang dan krisis, dan berhadapan dengan kesukaran hidup.

GPM sebagai badan yang dipercayai di peringkat Malaysia mahupun antarabangsa, turut mendapat kepercayaan daripada pelbagai pihak bagi memastikan sokongan dan bantuan terhadap Palestin menjadi lebih luas dan kuat. Justeru, GPM turut bekerjasama dengan NGO tempatan dan antarabangsa, selain bekerja rapat dengan kementerian, agensi-agensi kerajaan, serta dengan kerajaan-kerajaan negeri.

GPM memberikan penekanan kepada program jangka masa panjang, seperti program pendidikan, dan ekonomi, selain bantuan-bantuan kecemasan, dan bantuan-bantuan berkala.

PROJEK WAQAF PENDIDIKAN PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH AL-SERAJ AL-MUNIEER



PROJEK QURBAN DAN AKIKAH

QURBAN SERENDAH RM60 SEBULAN

Simpanan Qurban
"Simpan Sampai Qurban"

KELEBIHAN SIMPANAN QURBAN BERSAMA GPM

- Pengalaman 20 tahun dalam pelaksanaan ibadah Qurban
- Agihan daging Qurban kepada yang lebih memerlukan secara global di negara-negara seperti Syria, Yaman, Palestin, Nigeria dan Somalia
- Proses pendaftaran yang MUDAH
- Bakal menerima:
 - 📱 e-ijazah Qurban
 - 📷 gambar hantaran sembahram
 - 📺 melalui EXCLUSIVE video Qurban For The Needy

CARA-CARA MEMBUAT SIMPANAN QURBAN

1. Scan QR CODE yang terttera
2. Pilih Jumlah AUTO DEBIT RM60 / RM100 / RM150 / RM200 / RM300
3. Pilih PERHULAMAN selepas 1 bulan, 2 bulan atau 3 bulan pelaksanaan
4. Masukkan NAMA, EMAIL dan NOMBOR TELEFON
5. Pastikan maklumat KAD yang digunakan untuk auto debit adalah TERPATU
6. Daging GPM akan BERSIHBUANG untuk pengagihan peribadi kepada Qurban pada bulan Julai 2021

GLOBAL PEACE Malaysia

“Dan belanjakan sebagian dari apa yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu; lalu ia berkata... Ya Tuhan aku, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian) ku sampai waktu yang dekat, yang menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang soleh?”
(Al- Munafiqun, Ayat 10)

”Sertai sekarang!!
Scan QR CODE yang terttera

PAKEJ SERENDAH RM60 RM100 RM150 RM200 RM300

Pakej A	Pakej B	Pakej C	Pakej D	Pakej E
RM350	RM450	RM700	RM1,000	RM1,600
SUDAN	KEMBOJA	SYRIA	YEMAN	PALESTIN
IRLANDIA	FILIPINA	MALAYSIA	TURKI	
JARIBAN	INDIA	TRAFIK AND	LIBANAN	
KOMALA	VETNAM	INDONESIA		
SEKIA	BHARAT	BOSNIA		
ERITREA	KHARBA			

Auto Debit

017 - 2345 650 | qurban@gpm.com.my

GLOBAL PEACE Malaysia | QURBAN | 008 gpmmalaysia | 16 Julai 2021

www.jomsedekah.com/simpananqurban



PROJEK IFTAR

IFTAR
For Palestine 2022

Kurangkan *Juadah*,
Tingkatkan *Ibadah*. #IftarPalestin

Sasaran:
RM1,000,000

Bantuan:

- Set Iftar RM15
- Kotak Makanan RM100
- Set Pendidikan RM100
- Set Perubatan RM150

Maybank Islam: 5642-2161-1602
 CIMB Islam: 1402-33100-29224
 Affin Islam: 1051-9000-2871
 CTA Islam: 8603-53-2513

Global Peace Mission
Iftar Palestine 2022

jomsedekah.com/iftarpalestin2022



SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN PEDULI PALESTIN



LAIN-LAIN PROJEK DI PALESTIN



WINTER AID FOR PALESTINE

Sasaran: **RM 100,000**

Bentuk Bantuan :

- RM100 Bantuan Makanan
- RM150 Bantuan Bekas/Petrol
- RM100 Bantuan Pakaian
- RM100 Bantuan Persekitaran Binaan
- RM100 Bantuan Pendidikan
- RM100 Bantuan Kesihatan
- RM100 Bantuan Keselamatan

Global Peace Malaysia dan Winter Aid Program
 1102-370105-29226 3642-2161-1602
 Jua Sahaja



**BANTUAN KECEMASAN TAUFAN AL-AQSA –
#PEDULIPALESTIN**

GLOBAL PEACE MISSION Malaysia

**BANTUAN
KECEMASAN
TAUFAN AL-AQSA**

#TAUFANALAQSA

Global Peace Mission (ref: taufan Al-Aqsa)

 **564221611602**
Maybank Islamic

    [gpmmalaysia](https://www.gpmmalaysia.com) | [pedulipalestin.com](https://www.pedulipalestin.com)

